

# RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

## Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting Pembiayaan Dagangan Mata Wang Asing-i (PDMWA-i) - Eksport/Pembiayaan Jualan anda.

Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

## 1 APAKAH ITU PEMBIAYAAN DAGANGAN MATA WANG ASING-I (PDMWA-I) EKSPORT/PEMBIAYAAN JUALAN

**Pembiayaan Dagangan Mata Wang Asing-i (PDMWA-i) - Eksport/Pembiayaan Jualan** adalah kemudahan pendahuluan jangka pendek yang membolehkan pelanggan membiayai kedua-dua transaksi perdagangan dalam denominasi Ringgit Malaysia (MYR) dan mata wang asing (FCY). PDMWA-i (Eksport/Pembiayaan Jualan) digunakan untuk membiayai urus niaga perdagangan yang dijalankan di bawah Kredit Dokumentari, Koleksi Dokumentari dan kaedah Buka Akaun. Ia boleh didapati oleh pengeksport untuk urus niaga perdagangan yang dijalankan pada terma pembayaran tunai atau terma pembayaran tertunda.

PDMWA-i (Eksport/Pembiayaan Jualan) merupakan produk pembiayaan perdagangan yang disediakan kepada pelanggan pengeksport untuk mendapatkan pembiayaan dalam MYR dan FCY bagi:-

- Urus niaga perdagangan dalam FCY;
- Urus niaga dalam MYR

Produk ini menjadi satu pembiayaan alternatif yang menarik apabila keuntungan kadar mata wang asing adalah lebih rendah berbanding dengan kadar keuntungan mata wang tempatan pada masa-masa tertentu.

Konsep Syariah yang digunakan adalah Bai' al-Dayn. Bai' al-Dayn merujuk kepada penjualan hutang akibat daripada transaksi perdagangan dan perkhidmatan dalam bentuk jualan bayaran tertangguh. Pelanggan menjual hutang ini kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad ("BMMB") pada harga diskaun.

## 2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

### Tanggungjawab

Pembiayaan/Syarikat anda akan perlu membuat bayaran nilai penuh daripada jumlah pembiayaan seperti yang dinyatakan dalam Kontrak Nota Bai' al-Dayn pada tarikh matang dengan fi dan caj seperti yang terdapat dalam Pembiayaan Perdagangan yang berkaitan.

### Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Bayar kewajipan anda dengan sewajarnya untuk mengelakkan sebarang kesukaran dalam urus niaga pada masa akan datang. Hubungi kami sekiranya timbul sebarang pertikaian.



**Segera hubungi kami** jika anda mengalami sebarang isu dalam menggunakan produk ini.

### Ciri-Ciri Produk

<b>Amaun Pembiayaan</b>	:	Minimum: Tiada minimum amaun pembiayaan. Maksimum: Mengikut had pembiayaan yang diluluskan oleh BMMB, tidak melebihi jumlah invois.
<b>Margin Pembiayaan</b>	:	Sehingga 100% daripada invois atau nilai bil atau seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.
<b>Tempoh Pembiayaan</b>	:	Sehingga 180 hari.

<b>Kadar Keuntungan</b>	:	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar tetap.</li> <li>• Kadar keuntungan kemudahan berdasarkan dana harian akan disebut harga oleh BMMB pada hari yang dimaksudkan untuk penggunaan kemudahan berdasarkan tempoh yang diminta oleh pelanggan.</li> <li>• Kadar keuntungan kemudahan ditentukan berdasarkan Aras Kos Dana (AKD) Bank atau kadar pasaran semasa bagi mata wang berkaitan ditambah dengan spread (seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran), dan akan ditetapkan sepanjang tempoh pembiayaan.</li> </ul>
-------------------------	---	---

### Harga Jualan

Harga Jualan	Ilustrasi
$DP = FV - FV (r/100 \times t/365)$  DP : Harga Diskaun FV : Nilai Muka (Amaun Invois) r : Kadar keuntungan t : Tempoh (dalam hari)  Keuntungan Bank = Nilai Muka (FV) - Harga Diskaun (DP)	Kemudahan pembiayaan yang diberikan adalah bersamaan dengan RM50,000 (Nilai Muka / FV) untuk tempoh 60 hari (t). Kadar keuntungan yang dikenakan oleh pihak bank ialah 10% setahun (r).  Harga Diskaun = RM50,000 - RM50,000 $[(10/100) \times (60/365)]$ Harga Diskaun = RM50,000 - RM 821.91 Harga Diskaun = RM49,178.09  Keuntungan Bank = RM50,000 - RM49,178.09 Keuntungan Bank = RM821.09

Fi & Caj	Amaun
<b>Setem Hasil</b>	Mengikut Akta Setem 1949 (Semakan 1989), tertakluk kepada apa-apa pengecualian duti setem atau arahan peremitan.
<b>Pembentangan Langsung</b>	0.1% daripada jumlah yang dibiayai (MYR dan Bil Asing) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Minimum: RM 50</li> <li>• Maksimum: RM 500</li> </ul>
<b>Yuran Pengendalian</b>	SME: RM85.85 Non SME: RM100.00
<b>Kadar Keuntungan</b>	Seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran
<b>Caj lewat bayar</b>	1% setahun ke atas ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang.

- Sila rujuk laman sesawang kami di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.
- Bagi pengguna kewangan termasuk pelanggan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ["SME"], pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan berkuatkuasa sekiranya terdapat sebarang

## RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

perubahan di dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas produk ini.

- *Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (8%) yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.*

**Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal, sila ambil maklum bahawa:-**

- Anda akan menerima rebat (ibra') ke atas keuntungan tertanggung mengikut prinsip Syariah.
- Rebat tersebut Adalah muktamad dan mengikat.
- Pihak BMMB akan mengira rebat berdasarkan penyelesaian awal dan jumlah bayaran yang telah dibuat.
- Tiada tempoh terkunci (*lock-in period*) atas pembiayaan ini.
- Formula Ibra': Baki Tertunggak (Harga Jualan Tertunggak) - Jumlah Prinsipal Tertunggak - Jumlah Terhutang kepada Bank - Pengurangan Ibra'

### 3 KETAHUI RISIKO ANDA

**Apa yang akan berlaku sekiranya anda gagal memenuhi tanggungjawab anda?**

- Anda perlu membayar lebih secara keseluruhan disebabkan oleh caj lewat bayar (caj ganti rugi/Ta'widh) iaitu 1% setahun daripada ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang.
- Kami akan mengenakan tindakan undang-undang terhadap anda.
- Skor kredit anda mungkin terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
- Hak untuk tolak-selesai: Bagi pengguna kewangan termasuk pelanggan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ["SME"], pihak BMMB berhak untuk menolak-selesai baki tertunggak dalam akaun pembiayaan dengan menggunakan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun anda dengan kami, di mana pihak BMMB akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan.

### 4 TERMA UTAMA LAIN

- Penjamin dan cagaran adalah tertakluk kepada keputusan pihak BMMB.
- PDMWA-i (Eksport/Pembiayaan Jualan) ditawarkan kepada anda berdasarkan kadar tetap. Kadar ini ditentukan berdasarkan AKD atau kadar pasaran semasa bagi mata wang berkaitan, ditambah dengan spread seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran. Memandangkan ini adalah kadar tetap, anda tidak akan dapat menikmati sebarang pengurangan dalam kadar pembiayaan sekiranya terdapat pengurangan dalam AKD BMMB selepas itu."

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Pembiayaan Dagangan Mata Wang Asing-i (PDMWA-i) - Eksport/Pembiayaan Jualan, anda boleh:**



Hubungi kami di:  
03-26005500



Layari kami di:  
[Pembiayaan Dagangan Mata Wang Asing-i \(PDMWA-i\)](#)



E-mel kami melalui:  
[feedback@muamalat.com.my](mailto:feedback@muamalat.com.my)

#### Perakuan Pelanggan\*

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui BMMB telah memberikan kepada saya salinan RPP.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

*\*Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama:  
Tarikh:

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah berkuatkuasa: 1 Januari 2026